

Abu Hassan, Isa, Syed Hamid, Rais terkeluar

# Lima muka baru MT

BH - 1 JUL 2000

Oleh Jamariah Jaafar, Zulkoffi Jamaludin  
dan Wan Hamzir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat

- Lima muka baru, termasuk Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dilantik se-

bagai ahli Majlis Tertinggi (MT) Umo, manakala dua

menteri besar, Datuk Abu Hassan Omar dan Tan Sri

Mohd Isa Abdul Samad, tidak disenarai-

Bagaimanapun, Pengerusi Badan Perhubungan Kelan-

tan, Tengku Razaleigh Hamzah, yang tidak bertan-

ding sebarang jawatan dalam pemilihan Umo bulan lalu,

Senarai sepuluh ahli Majlis Tertinggi Umo (MT) dilantik itu diumumkan oleh

Tengku Datuk Adnan Tengku Mansor di ibu pejabat

parti itu, di sini petang ini. Turut tidak dilantik se-

mula ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid

Albar; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim. Kedua-dua

mereka, Abu Hassan dan Mohd Isa ialah calon Naib

Presiden Umo yang tewas dalam pemilihan parti bulan

lalu.



Dua lagi calon Naib Presiden yang tewas, Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam bagaimanapun dilantik sebagai ahli MT. Turut dilantik ialah Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman yang gagal mempertahankan jawatan Ketua Pergerakan Wanita Umno, turut dilantik menyertai badan tertinggi parti itu.

Selain Musa, empat lagi

muka baru ialah bekas Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh; Exco Wanita Umno yang juga Pengerusi Bank Rakyat, Dr Nurraesah Mohamad; Exco Pemuda Umno, Azimi Daim dan peguam, Azalina Othman.

Mengulas pelantikan itu, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad berkata, muka baru turut dilantik menganggotai MT kerana mereka juga dapat memberi sumbangan penting kepada parti.

Presiden Umno itu berkata, sebahagian daripada mereka, walaupun tidak bertanding atau tidak aktif dalam parti, tetapi dapat memberi sumbangan penting un-

tuk memajukan Umno.

“Banyak kriteria (dinilai dalam pelantikan ini) termasuk tiada wanita yang dipilih pada perhimpunan lalu. Kita juga mahu ahli dan mereka yang bersimpati kepada parti tetapi tidak berpeluang dipilih,” katanya.

Beliau menjawab soalan pemberita selepas merasmi-

kan Seminar dan Dialog Antarabangsa Mempertingkatkan Pemahaman Mengenai Islam Untuk *Media di Institut Kefahaman Islam Malaysia*, di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata, ada ahli yang dilantik tidak memegang jawatan dalam kerajaan atau aktif dalam Umno kerana parti memerlukan

pandangan mereka.

Pelantikan Musa pula, yang tidak aktif dalam parti atau bertanding pada pemilihan Umno bulan lalu, dibuat berdasarkan beliau menjawat jawatan penting dalam kerajaan.

Ditanya mengapa Abu

**LIHAT MUKA 4**

# Abu Hassan, Mohd Isa tidak dilantik

**BH - 1 JUL 2000**

## **DARI MUKA 1**

Hassan dan Mohd Isa tidak dilantik menganggotai MT, Dr Mahathir menjelaskan: "Kita tidak ada banyak tempat. Sepuluh saja dan nak bagi kepada orang lain sama."

Mengenai pelantikan Osu, beliau berkata, Sabah adalah antara negeri yang menjadi kubu Umno dan parti memerlukan ramai pemimpin dari negeri itu berada dalam MT.

Sementara itu, kecuali Kelantan, Pahang dan Wilayah Persekutuan, semua pengerusi dan timbalan pengerusi Umno negeri dikeskalkan.

Mereka ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengetuai Umno Pulau Pinang dan Terengganu; Datuk Seri Syed Razak Syed Zain (Kedah); Shahidan (Perlis); Datuk Seri Mohd Tajol Rozli Ghazali (Perak); Abu Hassan (Selangor); Mohd Isa (Negeri Sembilan); Abdul Ghani (Johor) dan Osu (Sabah).

Bagaimanapun, perubahan berlaku di Pahang dengan Menteri Penerangan,

Tan Sri Khalil Yaakob dilantik semula menjadi Pengerusi Perhubungan Negeri, manakala Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob sebagai timbalan.

Bagi Kelantan pula, Penasihat Ekonomi Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed, dilantik pengerusi menggantikan Tengku Razaleq, manakala Datuk Annuar Musa sebagai timbalan.

Tengku Adnan pula mengetuai Umno Wilayah Persekutuan menggantikan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Suleiman Mohamed, yang kini dilantik timbalan.

Bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Abu Zahar Isnin yang berpindah ke Pusat sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, dilantik timbalan pengerusi Umno negeri itu.

Johor pula, walaupun Abdul Ghani kekal sebagai pengerusi, timbalannya berubah. Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin dilantik timbalan, menggantikan Syed Hamid.